

- ii. Menyediakan informasi berkaitan vaksin dan imunisasi dalam pelbagai medium (bercetak dan elektronik);
- iii. Melantik advokator imunisasi di peringkat klinik bagi meningkatkan penerimaan program ini termasuk menggunakan khidmat Panel Penasihat Klinik;
- iv. Mengingkatkan pengetahuan dan memberi latihan kepada kakitangan kesihatan khususnya yang terlibat dalam Program Imunisasi supaya mereka boleh menjawap persoalan orang ramai dengan lebih tepat dan meyakinkan;
- v. Bekerjasama dengan badan professional lain seperti *Malaysian Paediatric Association* (MPA) dan *Malaysian Society of Infectious Disease Chemotherapy* mempromosi imunisasi dengan mewujudkan laman sesawang www.immunise4life.my;
- vi. Mengadakan sambutan Minggu Imunisasi pada setiap minggu keempat bulan April;
- vii. Meningkatkan kerjasama lain-lain agensi terutama semasa pra-pendaftaran ke pusat asuhan, pra-sekolah, taska, tadika dan sekolah; dan
- viii. Memperkuuh sistem surveyan bagi memantau masalah dan impak terhadap masyarakat dan negara.

KKM telah memperuntukkan sebanyak dua (2) juta ringgit pada tahun 2016 ini bagi menjalankan kempen di seluruh negara. Dalam masa yang sama terus memperkuuhkan sistem penyampaian kesihatan dan memperkasakan masyarakat untuk sama-sama bertindak menangani isu-isu berkaitan vaksin dan imunisasi.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini KKM tidak berhasrat untuk mengubal sebarang undang-undang mewajibkan imunisasi. Pemeriksaan umat dijangka akan lebih memberi kesan baik untuk jangka panjang. Fokus Kementerian akan diberikan kepada kumpulan-kumpulan ibubapa muda yang belum atau sedang membuat keputusan mengenai imunisasi termasuk mereka yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi. Manakala penguatkuasaan undang-undang ke atas ibubapa yang menolak imunisasi ini akan memberi kesan sosial yang besar seperti anak terpisah daripada ibubapa yang dipenjarakan.

Saya menyeru Yang Berhormat – Yang Berhormat membantu menyedarkan masyarakat agar membuat pilihan yang bijak dalam penjagaan kesihatan mereka dan anak-anak di bawah tanggungjawab mereka, serta sentiasa mendapatkan maklumat perubatan dan kesihatan dari sumber-sumber yang sahih.